



Maqasid Syariah dalam Ekonomi Islam Arus Perdana

Mohd Shukri Hanapi

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia

Maqasid syariah sering dirujuk sebagai mekanisme untuk memahami objektif dan hikmah di balik hukum untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia. Hal ini bertujuan untuk mengambil manfaat dan menolak keburukan, namun bagi memahami maqasid syariah, terdapat dua pendekatan yang sering digunakan oleh ulama, iaitu pendekatan *maqasidi* dan *syakli*. Kedua-dua pendekatan ini menjadikan perbincangan dalam ilmu maqasid syariah semakin berkembang dan mengikut arus semasa.



Tidak ketinggalan, bidang ekonomi Islam juga mengaplikasikan pendekatan maqasid syariah ini. Hal ini disebabkan oleh setiap perkara yang dilakukan bertujuan untuk mencapai matlamat syariah. Meskipun begitu, pendekatan yang diambil oleh setiap ulama berbeza-beza mengikut pemikiran yang tersendiri, namun mempunyai tujuan yang sama. Persoalannya, apakah pendekatan maqasid syariah, dan apakah pendekatan maqasid syariah yang diaplikasikan dalam ekonomi Islam arus perdana?

Kepelbagaian aliran pemikiran hukum dalam masyarakat Islam masa ini bukan lagi satu fenomena baharu, malah telah berlaku sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Namun begitu, kepelbagaian aliran pemikiran ini tidak lagi berfungsi seperti pada zaman tersebut. Hal ini disebabkan oleh kesan negatif terhadap perkembangan pemikiran hukum Islam yang melahirkan gejala pemikiran taklid akibat daripada kejumudan cara berfikir.

Kepelbagaian aliran pemikiran hukum dalam kalangan sahabat dan tabiin sekadar berbeza dari sudut pendekatan sahaja. Perbezaan tersebut bersifat positif dan mampu memberikan alternatif kepada umat Islam sama ada yang bersifat konservatif atau liberal dengan memilih pendekatan formal atau *syakli* seperti yang dipilih oleh Abdullah bin Umar, atau memilih pendekatan *maqasidi* seperti Abdullah bin Abbas. Ulama terdahulu menjadikan maqasid syariah sebagai asas untuk mengkaji sesuatu perkara, ilmu dan falsafah. Hal ini bertujuan untuk memastikan sama ada kajian tersebut bersesuaian dengan Islam ataupun tidak.

Pendekatan *maqasidi* ialah pendekatan yang memfokuskan kepada objektif berbanding dengan format. Pendekatan ini merujuk pendekatan yang berasaskan teori maqasid syariah. Teori ini telah diasaskan oleh ulama mazhab Maliki yang juga dikenali sebagai mazhab yang lebih pragmatik berbanding dengan mazhab yang lain. Hal ini disebabkan mazhab Syafii juga boleh menerima pandangan mazhab Maliki. Buktinya, pandangan Imam Syafii dan pengikutnya seperti Imam al-Juwaini dan al-Ghazali turut membincangkan secara terperinci konsep maqasid syariah dalam penulisan mereka.

Pendekatan *syakli* pula lebih memfokuskan kepada bentuk atau format. Pendekatan ini bersifat lebih telus, konsisten, tradisional dan konservatif. Golongan yang menerima pendekatan ini ialah golongan yang mempunyai pemikiran terperinci dan mendalam.

Jelas di sini bahawa pendekatan *maqasidi* bersifat lebih realistik, liberal, progresif dan radikal. Misalnya, dalam hal melakukan tayamum sewaktu ketiadaan air. Pada zaman Rasulullah SAW telah berlaku bekalan air terputus. Ketika itu, para sahabat berada dalam keadaan berjunub dan ingin melakukan tayamum untuk melaksanakan ibadat mengikut pegangan masing-masing. Golongan yang menerima pendekatan *maqasidi* melakukan tayamum pada anggota badan yang wajib ditayamum untuk tujuan mendirikan solat. Sementara itu, golongan *syakli* pula meratakan debu ke seluruh badan seperti mandi junub dengan meratakan air ke seluruh tubuh.

Berdasarkan pendekatan maqasid syariah tersebut, didapati kedua-duanya menggunakan metode *qiyas*, namun berbeza ketika melakukan *qiyas* tersebut. Golongan yang berpegang dengan pendekatan *maqasidi* akan mengutamakan objektif melakukan tayamum, iaitu membersihkan diri daripada hadas besar untuk melakukan ibadat. Oleh itu, golongan ini memilih untuk melakukan sedemikian bertujuan untuk menunaikan solat.

Meskipun begitu, golongan yang berpegang dengan pendekatan *syakli* pula melihat dari sudut yang berbeza, iaitu bentuk tayamum dilakukan. Secara asasnya, mandi junub hendaklah dilakukan dengan meratakan air ke seluruh tubuh. Bagi golongan ini, tayamum juga perlu dilakukan ke seluruh tubuh untuk membersihkan hadas besar.

Sebelum dianalisis pendekatan maqasid syariah ini dalam ekonomi Islam arus perdana, terlebih dahulu dibincangkan dua bentuk aliran pemikiran ekonomi Islam arus perdana yang sedia ada, iaitu aliran pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat elektisme-metodologik dan aliran pemikiran Islam total.

Aliran pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat elektisme-metodologik ialah aliran pemikiran terbuka untuk menerima ekonomi neo-klasikal, dan membenarkan diubah untuk menjadikannya Islam.



Dari sudut metodologinya pula, aliran pemikiran ini memilih perkara yang difikirkan baik untuk diintegrasikan ke dalam ekonomi Islam.


Aliran pemikiran ekonomi Islam total pula berpegang pada keyakinan bahawa ekonomi Islam mesti lahir daripada acuannya tersendiri, iaitu tasawur Islam. Meskipun begitu, aliran yang mendominasi ekonomi Islam arus perdana pada hari ini ialah aliran pemikiran pertama. Antara sarjana ekonomi Islam arus perdana yang menjadi pelopor aliran ini termasuklah Monzer Khaf, Muhammad Nejatullah Siddiqi, Muhammad Abdul Manan, Mohammad Umer Chapra, Abdul Rahman Yousri Ahmad dan Khurshid Ahmad.

Muhammad Abdul Manan dalam bukunya, *The Making of an Islamic Economics Society* menggunakan pendekatan eklektik yang meminjam pemikiran daripada ekonomi lazim. Muhammad Nejatullah Siddiqi pula dalam bukunya, *Pemikiran Ekonomi Islam: Suatu Tinjauan Penulisan Semasa* menggabungkan pendekatan ekonomi lazim dengan fiqah. Pendekatan ini juga dikenali sebagai "neo-klasikal yang berasaskan fiqah" (*fiqh based neo-classical*) yang menjadi aliran dominan dalam ekonomi Islam arus perdana.

Dalam konteks ekonomi Islam arus perdana ini, pendekatan maqasid syariah yang digunakan ialah pendekatan *maqasidi*. Pengaplikasian pendekatan *maqasidi* adalah dari sudut ingin mencapai tujuan syariat dalam ekonomi Islam, dengan menggunakan kaedah Islamisasi untuk menghasilkan ilmu ekonomi Islam. Menurut Khurshid Ahmad dalam *Nature and Significant of Islamic Economics*, proses Islamisasi boleh dilakukan melalui dua cara. Pertama, Islamisasi dalam bentuk separa; dan kedua, Islamisasi secara total.

Islamisasi separa merupakan pendekatan yang melakukan pengubahsuaian terhadap beberapa komponen dalam teori konvensional. Terdapat dua cara untuk mengubah suai teori. Pertama, menggantikan fakta yang bertentangan dengan syarak; dan kedua, menambah fakta yang bercirikan Islam. Dalam kaedah Islamisasi separa ini, andaian, norma dan hipotesis yang diguna pakai dalam analisis konvensional masih dikekalkan.

Islamisasi total pula merupakan kaedah kajian ekonomi Islam yang melakukan perubahan secara



menyeluruh ke atas semua aspek dalam ekonomi konvensional. Aspek tersebut merangkumi paradigma, andaian, norma, hipotesis dan etika. Dalam kaedah ini, ekonomi akan dianalisis keseluruhannya mengikut ilmu asas ekonomi Islam, iaitu al-Quran dan hadis. Proses Islamisasi bermula mengikut kategori ekonomi konvensional yang akan dianalisis berdasarkan korpus dan nukleus. Hal ini dikenali sebagai Islamisasi total disebabkan perbincangannya diambil daripada analisis konvensional.

Misalnya, analisis gelagat pengguna, analisis gelagat pengeluaran dan analisis harga faktor, dan analisis keseimbangan pasaran. Namun begitu, perubahan dan penambahbaikan dilakukan dengan memasukkan nilai Islam dalam semua aspek yang berkaitan yang merangkumi paradigma, andaian, norma, etika, objektif dan hipotesis.



“**Kaedah Islamisasi ilmu ekonomi sangat mudah dilakukan kerana pengubahsuaian dilakukan ke atas ekonomi konvensional.**”

Bagi menjayakan usaha tersebut, para sarjana ekonomi Islam perlu menguasai ilmu fiqah dan ilmu ekonomi. Masalah ini timbul apabila sukar untuk mendapatkan sarjana ekonomi Islam yang pakar dalam kedua-dua bidang. Menurut Sanep Ahmad dalam bukunya, *Analisis Ekonomi Islam*, sarjana ekonomi Islam menggunakan jalan yang mudah dengan menggunakan kaedah Islamisasi ilmu ekonomi Islam. Kaedah ini dilihat lebih mudah berbanding dengan kaedah kembali kepada fiqah yang asal. Hal ini disebabkan oleh para ulama dan ahli ekonomi Islam akan menggunakan model ekonomi konvensional. Kemudian mereka mengenal pasti unsur dan prinsip yang bercanggah dengan Islam. Sekiranya terdapat unsur yang bercanggah dengan hukum syarak, maka akan digantikan dengan

unsur dan prinsip yang selaras dengan kehendak Islam. Di samping itu, jika terdapat unsur dan prinsip yang neutral serta universal, maka unsur dan prinsip tersebut akan dikekalkan.

Kaedah Islamisasi ilmu ekonomi sangat mudah dilakukan kerana pengubahsuaian dilakukan ke atas ekonomi konvensional. Dalam perkataan lain, kaedah tersebut juga dikenali sebagai pendekatan akomodatif-modifikasi yang bersifat elektisme-metodologik. Pendekatan sebegini dipanggil *maqasidi* kerana sentiasa melihat objektif atau matlamat yang ingin dicapai sahaja. Pendekatan *maqasidi* boleh dilakukan modifikasi sekiranya tidak bertentangan dengan prinsip asal, iaitu Islam. Hal ini membuktikan bahawa sarjana ekonomi Islam mengaplikasikan pendekatan *maqasidi* dalam ekonomi Islam arus perdana.

Meskipun begitu, aliran pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat elektisme-metodologik ini dikritik oleh sebahagian daripada sarjana ekonomi Islam. Antaranya, Mohamad Aslam dan Surtahman Kastin Hasan dalam penulisan mereka. Mereka berpandangan bahawa ekonomi Islam perlu melalui proses pembungkahan akar umbi supaya dapat melahirkan teori ekonomi Islam yang tulen. Dalam konteks pendekatan maqasid syariah, golongan sarjana ekonomi Islam ini berpegang pada pendekatan *syakli* yang bersifat tradisional. Hal ini disebabkan teori ekonomi Islam yang terhasil memerlukan penelitian serta mengubah daripada akar umbi supaya teori ekonomi Islam tidak bercampur antara teori konvensional dengan teori ekonomi Islam.

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa pendekatan yang diaplikasikan dalam ekonomi Islam arus perdana ialah pendekatan *maqasidi* kerana para sarjana ekonomi Islam arus perdana memahami maqasid syariah sebagai matlamat syariat semata-mata. Oleh hal yang demikian, teori ekonomi lazim dapat diubah suai melalui dua kaedah, iaitu menggantikan fakta bertentangan dengan syarak dan menambah fakta yang bercirikan Islam. Kedua-dua kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mencapai maqasid syariah dan merupakan kaedah Islamisasi. Oleh itu, andaian, norma dan hipotesis yang diguna pakai dalam analisis Barat masih dikekalkan. DTI